

25 MAY 1999

Menteri-Sumpah

KHALIL, KADIR, PANDIKAR DAN SHAFIE ANGKAT SUMPAH JAWATAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Tiga menteri dan seorang timbalan menteri yang baru dilantik dalam rombakan Kabinet Khamis lepas menerima surat cara pelantikan serta mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara di sini petang ini.

Menteri-menteri baru itu ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, 60, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, 59, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, 46.

Timbalan Menteri baru ialah Datuk Mohd Shafie Apdal, 41, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang hadir pada upacara hari ini ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan menteri-menteri kabinet.

Dalam rombakan Kabinet itu, kali kedua tahun ini, pelantikan Khalil adalah bagi menggantikan Datuk Seri Mohamed Rahmat manakala Abdul Kadir menggantikan Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

Mohamed yang sebelum ini Menteri Penerangan dan Sabbaruddin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, telah meletakkan jawatan masing-masing.

Khalil juga dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO menggantikan Sabaruddin yang turut meletakkan jawatan itu.

Pandikar Amin pula menggantikan Datuk Chong Kah Kiat yang meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk bertanding pada pilihan raya negeri Sabah, Mac lepas.

Beliau ialah anggota masyarakat Iranun di Sabah yang pertama menjadi menteri dalam kerajaan Persekutuan.

Turut terbabit dalam rombakan Kabinet ialah Datuk Azmi Khalid yang dilantik Timbalan Menteri Dalam Negeri. Beliau sebelum ini ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

-- BERNAMA

HS/NM NMO